

UDA Holdings naik taraf Plaza Angsana RM15 juta

JOHOR BAHRU 17 Jan. - Kompleks membeli-belah terkenal di Johor Baharu, Plaza Angsana yang dimiliki oleh UDA Holdings Bhd. akan dinaik taraf secara berperingkat-peringkat tahun ini dengan kos keseluruhan sebanyak RM15 juta.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, proses menaik taraf itu dilaksanakan secara dua fasa dengan fasa pertama melibatkan kerja pengubahsuaian luaran bangunan yang akan menelan belanja RM8 juta.

Fasa kedua pula akan lebih tertumpu kepada kerja menggantikan lampu, lantai dan menaik taraf medan selera yang sedia ada dengan kos RM7 juta, katanya.

"Tender bagi fasa pertama akan dibuka dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi dan kami menjangkakan tempoh menaik taraf Plaza Angsana ini akan memakan masa setahun," katanya pada Program Titian Nur Harapan-UDA Di Sisimu di Taman Sinar Harapan hari ini.

Program berkenaan merupakan sebahagian daripada program tanggung jawab sosial korporat UDA dan bersempena ulang tahun syarikat yang ke-40 tahun ini.

Nur Jazlan, yang juga anggota Parlimen Pulaui berkata, proses menaik taraf pusat membeli-belah itu bertujuan memberi wajah baru kepada Plaza Angsana agar ia sebanding dengan pusat membeli-belah lain yang sedia ada di bandar raya ini.

Katanya, kompleks membeli-belah lain yang seusia dengan Plaza Angsana telah pun menjalani kerja-kerja menaik taraf dan UDA Holding mahu melakukan perkara sama agar ia mampu terus bersaing.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya sedang mencari pelabur bagi membangunkan projek Ang-



PLAZA Angsana di Johor Bahru yang bakal dinaik taraf.

sana 2 yang bakal dibangunkan di tempat letak kereta bersebelahan Plaza Angsana.

Bagaimanapun, beliau berkata, projek yang dijangka menelan belanja sekitar RM200 juta hingga RM250 juta itu masih di peringkat perancangan.

"Mereka yang berminat boleh mengemukakan tawaran dan syarikat akan meneliti setiap tawaran yang dikemukakan sebelum membuat keputusan terbaik mengenainya," katanya.

Pada majlis itu, 150 penghuni yang terdiri daripada orang kelai-

nan upaya (OKU) diraikan dan pada masa sama UDA turut memberikan sumbangan berupa gazebo bernilai RM200,000 dan turut mengadakan program gotong royong membersihkan kawasan persekitaran penghuni Taman Sinar Harapan.